

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**HKB 314 – Karya-Karya Terpilih dari Kesusasteraan Amerika
Latin**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Sekurang-kurangnya **SATU** soalan mesti dijawab daripada setiap **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**.

BAHAGIAN A

1. *"Magical realism aims to seize the paradox of the union of opposites"* (Lindsay Moore 1998). Dengan merujuk kepada karya-karya terpilih, huraikan maksud pernyataan ini.
2. "Pengarang-pengarang Amerika Latin telah melahirkan karya-karya yang lain dari yang lain. Berbanding dengan karya-karya yang dianggap masih primitif, "Generasi Boom" memisahkan dirinya dari primitivisme kepada modernisme untuk mengecapi kreativiti yang sebenar" (Shahnon Ahmad 1998). Jelaskan pernyataan ini.
3. Karya-karya Amerika Latin merupakan mikrokosmos masyarakatnya. Buktikan hal ini.
4. Apakah bentuk-bentuk feminisme yang muncul dalam karya pengarang-pengarang Amerika Latin?

BAHAGIAN B

5. Gabriel Garcia Marquez seringkali menonjolkan isu perhubungan kuasa menerusi karya-karyanya. Buktikan.
6. Protagonis "Up Among the Eagles" menjalani proses ontologikal dalam pengalaman hidupnya di kalangan masyarakat gunung. Berikan pendapat anda tentang pernyataan ini.
7. Huraikan salah satu teknik penceritaan yang digunakan untuk menyampaikan mana-mana sebuah cerpen daripada setiap pengarang berikut:

[a] Jorge Luis Borges

[b] Cesar Vallejo